

UMP jalin kerjasama antarabangsa dengan Amik Tunas Bangsa dan Stikom Tunas Bangsa



Kuantan, 9 Ogos – Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Akademik Manajemen Informatika dan Komputer (AMIK) Tunas Bangsa menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam kerjasama akademik dan pertukaran pelajar yang memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Kerjasama turut melibatkan Sekolah Teknologi Tinggi Komputer (STIKOM) Tunas Bangsa, Indonesia.

Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama antara UMP menerusi Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dengan AMIK Tunas bangsa telah mula terjalin sejak tahun 2012. Kerjasama ini akan diteruskan bagi memperoleh manfaat melalui penyelidikan, latihan staf serta pertukaran pensyarah, pelajar, bahan ilmiah dan kokurikulum.

"Pada masa yang sama juga, UMP turut menjalankan kerjasama dengan institusi Stikom Tunas Bangsa, Indonesia bagi melebarkan jaringan dalam penyelidikan dan akademik di peringkat antarabangsa. Menerusi kerjasama ini dapat bergabung berkongsi kepakaran untuk memajukan institusi masing-masing," katanya.

Selain itu juga ianya merupakan satu usaha bagi melahirkan pelajar berdaya saing dan berupaya untuk menghadapi cabaran alam pekerjaan pada masa akan datang.

Majlis ditandatangani oleh Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus manakala AMIK Tunas Bangsa pula diwakili Pengarahnya, Dr. Rahmat Widia Sembiring dan

STIKOM Tunas Bangsa diwakili oleh Ketuaanya, Dr. Dedy Hartama . Hadir sama menyaksikan acara Ketua Pengasas Yayasan Muhammad Nasir, H Ahmad Ridwansyahputra.



Turut sama hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Mashitah Mohd Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Prof. Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Prof. Dr. Kamal Zuhairi Zamli dan Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid.

Sementara itu, Muhammad Nasir, H Ahmad RidwansyahPutra berkata, sejak kerjasama ini dijalankan banyak memberi kesan positif kepada institusi terutama bagi memenuhi kehendak serta keperluan institusi pengajian tinggi itu untuk menggalakkan pemindahan kepakaran dan idea dalam pelbagai bidang.

Katanya, berkat jalinan kerjasama ini banyak membantu AMIK Tunas bangsa dalam urusan akreditasi sehingga kami berjaya mendapat gred baik. Justeru, kerjasama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada akademik dan pelajar malah kepada institusi itu sendiri.

AMIK Tunas Bangsa dan STIKOM Tunas Bangsa telah dibangunkan oleh Yayasan Muhammad Nasir yang memfokuskan bidang kejuruteraan dan program Komputer adalah salah satu program yang ditawarkan di institusi berkenaan.

Disediakan Nor Salwana Mohd Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat